Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e002020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2020

Perbandingan antara Reka Bentuk Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan di Malaysia dengan Kurikulum ICCLE China

(Comparative of Curriculum Design Between Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan's Curriculum in Malaysia and ICCLE China)

Chai Ooi Li[1*], Ng Miew Hoon[2]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: cooili@yahoo.com
[2]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: miewhoon@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Chai Ooi Li
(cooili@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Perbandingan
Reka bentuk kurikulum
Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
Kurikulum ICCLE

KEYWORDS:
Comparison
Curriculum design
Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
ICCLE

CITATION:
Chai, O. L. & Ng, M. H. (2022). Perbandingan antara Reka Bentuk Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan di Malaysia dengan Kurikulum ICCLE China. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e002020. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2020

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk membandingkan reka bentuk kurikulum dengan mencari perbezaan antara Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (KSSR Semakan) Malaysia dan Kurikulum ICCLE (Semakan) China iaitu *International Curriculum for Chinese Language Education*. Pendekatan kajian ini adalah berbentuk kualitatif jenis kajian kes. Data primer terdiri daripada dokumen rasmi yang diakses melalui laman web pendidikan kedua-dua negara tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE adalah amat berbeza dari segi matlamat, objektif, kerangka, struktur, prinsip, fokus, sasaran, dan tahap pembahagian. Reka bentuk bagi kedua-dua kurikulum tersebut adalah memenuhi prinsip penggubalan kurikulum pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Walau bagaimanapun, reka bentuk Kurikulum ICCLE mempunyai skop yang lebih luas dan menetapkan tahap pembelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan Kurikulum BCSK.

ABSTRACT

This research was conducted to compare the curriculum design by finding differences between Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Curriculum (Revised) Malaysia and the International Curriculum for Chinese Language Education (KSSR Revised) China. The study is a qualitative case study research design. The primary data consisted of official documents accessed through the educational websites of the two countries. The results of the study showed that the curriculum design between BCSK Curriculum and ICCLE is quite different in terms of goals, objectives, framework, structure, principles, focus, targets, and levels of division. Both of these curricula's design are fulfilling the principle of curriculum formulation for TCSL (Teaching Chinese as a

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Second Language). However, the design of the ICCLE Curriculum has a wider scope and sets a higher level of learning compared to the BCSK Curriculum.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini membandingkan reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China dari segi matlamat, objektif, kerangka, struktur, fokus, sasaran, prinsip dan tahap pembahagian. Dapatan kajian ini diharap dapat menambahbaikkan pelaksanaan Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) dan Kurikulum ICCLE (Semakan).

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi yang paling berkesan untuk kita berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain. Di sekolah kebangsaan, bahasa pengantar adalah bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Memandangkan bahasa Cina semakin dipandang berat di mata dunia pada zaman kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan subjek Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) sebagai bahasa kedua pada tahun 2007 untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama bagi murid-murid daripada semua etnik. Chuah et al. (2020) menyatakan bahawa subjek BCSK merupakan pilihan utama bagi murid-murid dalam pemilihan bahasa elektif yang ditawarkan di sekolah kebangsaan. Pelaksanaan subjek Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) adalah bertujuan untuk memupuk kebolehan murid-murid mempraktikkan bahasa Cina dalam kehidupan seharian dan membina asas yang kuat bagi mereka untuk melanjutkan pembelajaran bahasa Cina ke tahap yang lebih tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Menurut Zhang (2020), Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Education* (ICCLE) adalah dokumen bertulis pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang disediakan oleh *The Center for Language Education and Cooperation* (CLEC) (sebelum ini dikenali sebagai Hanban). Kurikulum ICCLE digubal untuk semua warga pendidik yang merangkumi semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar pendidikan bahasa Cina mereka. Kurikulum ICCLE telah diterjemahkan ke dalam 45 bahasa dan digunakan secara meluas di seluruh dunia sejak tahun 2008 (Hanban, 2014). Kurikulum ICCLE bertujuan untuk memenuhi keperluan pelbagai negara dalam aspek penyeragaman kandungan pengajaran bahasa Cina supaya selaras dengan trend perkembangan global (Hanban, 2014). Di samping itu, matlamat dan struktur kurikulum ini dihubungkan dengan sistem ujian HSK (Hanyu Shuiping Kaoshi) yang sangat popular dan bertaraf antarabangsa. Ujian ini digunakan untuk menguji dan menilai tahap kompetensi bahasa Cina dalam kalangan pelajar bukan penutur natif di seluruh dunia (Hanban, 2014).

Untuk mengkaji kurikulum BCSK, satu kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang teratas perlu dijadikan sebagai bandingan. Kurikulum ICCLE yang dilancarkan oleh Institut Confucius, China merupakan dokumen penting yang berfungsi sebagai "pembimbing" kepada semua jenis pengajaran pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa kedua dan sangat sesuai digunakan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kira faktor umur dan latar belakang pendidikan (Fu, 2016). Dalam kajian ini, Kurikulum BCSK Tahun 1-6 dan Kurikulum ICCLE (Tahap 1-3) dibandingkan dari segi reka bentuk kurikulum untuk meninjau kesesuaian kedua-dua kurikulum tersebut berfungsi sebagai kurikulum yang ideal dalam pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.1. Pernyataan Masalah

Walaupun Kurikulum BCSK telah diperkenalkan hampir 15 tahun di Malaysia, namun terdapat beberapa isu telah dibangkitkan mengenai pelaksanaan kurikulum tersebut. Antaranya seperti timbulnya rungutan daripada segelintir ibu bapa dan guru yang mendakwa bahawa kurikulum beberapa subjek Tahun Satu adalah amat sukar dan beraras tinggi (Berita Harian Online, 2022). Pengarah Global School Leaders Malaysia, Cheryl Ann Fernando berkata, kurikulum pendidikan pada masa kini adalah terlalu padat menyebabkan guru-guru tidak dapat memenuhi sistem pendidikan abad ke-21 atas faktor kekangan masa. Beliau berpendapat bahawa mungkin skop kurikulum di Malaysia terlalu luas tetapi tidak cukup mendalam (Astro AWANI, 2019). Ini bermakna Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) mungkin mengalami masalah-masalah tersebut dan perlu penambahbaikan setelah disemak semula. Rozaid, seorang guru BCSK bukan penutur natif dalam sesi temu ramah mencadangkan bahawa kualiti kurikulum BCSK perlu dipertingkatkan setelah beliau membandingkan Kurikulum BCSK dengan Kurikulum BCSR iaitu Bahasa Cina Sekolah Rendah (Sin Chew Daily, 2015). Yeap (2014) pula berpendapat bahawa pelaksanaan subjek BCSK di sekolah kebangsaan menghadapi beberapa masalah, salah satu daripadanya adalah perancangan kurikulum yang kurang menyeluruh.

1.2. Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk membandingkan reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China dalam pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua untuk meninjau kesesuaian reka bentuk kedua-dua kurikulum tersebut dari aspek matlamat, objektif, kerangka, struktur, prinsip, fokus, sasaran, dan tahap pembahagian.

2. Sorotan Literatur

Perbandingan bermaksud membandingkan dua atau lebih perkara yang serupa atau perkara yang saling berkait rapat (Chen, 2013). Tujuan kajian perbandingan adalah untuk mencari persamaan atau perbezaan antara objek-objek perbandingan atau mengetahui urutan peringkat objek-objek perbandingan (Wang & Gu, 2015). Dalam penyelidikan perbandingan, terdapat dua pemahaman yang berbeza mengenai tujuan dan kepentingan penyelidikan perbandingan pendidikan, iaitu yang pertama, untuk meningkatkan pengetahuan pendidikan dan yang kedua, menambah baik sesuatu amalan pendidikan (Chen, 2013). Perbandingan dalam bidang pendidikan muncul daripada naluri ingin tahu manusia untuk mengkaji sistem pendidikan orang lain dan amat penting untuk mencapai kemajuan pendidikan (Alexander, 2000).

Reka bentuk kurikulum merupakan bentuk rancangan kurikulum yang memerlukan pemilihan isi kandungan yang relevan dengan objektif dan matlamat kurikulum. Penggubalan kurikulum mesti berteraskan reka bentuk kurikulum yang berpandu kepada konsep tunjang yang dikemukakan dalam KSSR, iaitu bentuk pengklasifikasian bidang ilmu, kemahiran dan nilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Dalam konteks reka bentuk kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua, selain daripada mengambil kira konsep perkembangan kurikulum dan konsep pemerolehan bahasa kedua, ciri-ciri pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua juga perlu ditinjau dan diaplikasikan dalam penggubalan kurikulum tersebut.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penyelidik telah meneliti beberapa artikel yang berkenaan dengan kajian perbandingan dalam bidang pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua dan mendapati bahawa kurikulum ICCLE merupakan rujukan perbandingan yang utama. Fu (2016) telah membandingkan kurikulum *Chinese Language Arts* (K-19) (Alberta) dengan Kurikulum ICCLE melalui kaedah analisis perbandingan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa Kurikulum *Chinese Language Arts* (K-19) (Alberta) dan Kurikulum ICCLE adalah berbeza dari segi objektif dan matlamat pendidikan serta kemahiran bahasa. Wan (2016) dalam artikelnya telah membincangkan proses penggubalan, kandungan utama dan ciri-ciri khas kurikulum berdasarkan perbandingan Kurikulum *Chinese Syllabus for Schools in Sweden* dengan Kurikulum ICCLE secara terperinci dari segi kekuatan dan kelemahan antara kedua-dua kurikulum tersebut.

Selain itu, Zhang (2020) membandingkan Kurikulum *Chinese in The New Zealand Curriculum* dengan Kurikulum ICCLE menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan kaedah analisis perbandingan untuk menganalisis falsafah dan model pengajaran serta prinsip pengajaran bahasa kedua yang terkandung dalam kedua-dua kurikulum ini. Du (2020) pula membandingkan Kurikulum *The Chinese Teaching Curriculum in Korean Junior High Schools* di Korea dengan Kurikulum ICCLE dari segi konsep, sukatan pelajaran dan standard pengajaran. Hasil dapatan perbandingan tersebut menunjukkan bahawa Kurikulum *The Chinese Teaching Curriculum in Korean Junior High Schools* kurang menumpukan unsur seni bahasa dan keperluan tahap penguasaan, tetapi lebih menekankan aspek kepraktisan pembelajaran bahasa Cina dan kemahiran berkomunikasi.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Penyelidik telah menggabungkan dua kaedah untuk mencari perbezaan reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE. Kaedah yang pertama adalah menggunakan "Kaedah Perbandingan Empat Langkah" (*Four Step Method*) yang dikemukakan oleh Bereday (1964) untuk mengumpul dan menganalisis data. Kaedah pelaksanaannya melibatkan empat peringkat iaitu (i) Penerangan (ii) Tafsiran (iii) Penjajaran dan (iv) Perbandingan. Kaedah yang kedua adalah menganalisis data dengan berpandukan Model Interaktif Miles dan Huberman (2014) yang melibatkan empat langkah untuk menganalisis data iaitu (1) Pengumpulan data (2) Pengurangan data (3) Persembahan data dan (4) Kesimpulan. Pada peringkat awal, data dari unit analisis perbandingan iaitu negara Malaysia dan China dikumpulkan terlebih dahulu. Kemudian, penyelidik menyingkirkan data yang dianggap kurang relevan dengan kajian. Pemahaman asas mengenai kedua-dua kurikulum tersebut diperoleh melalui kajian kepustakaan. Seterusnya, data kajian dipersembahkan secara deskriptif dalam bentuk tulisan dan jadual atau rajah. Rajah 1 merupakan Model Interaksi Miles dan Huberman:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 1: Model Interaksi Miles dan Huberman (2014)



3.2. Populasi dan Sampel

Sampel kajian diperik daripada dokumen rasmi yang diakses melalui laman web pendidikan kedua-dua negara tersebut. Penyelidik juga memperoleh maklumat melalui laman web rasmi KZIUM untuk mengkaji pelaksanaan Kurikulum ICCLE. Antara sumber-sumber rujukan kajian termasuklah (i) DSKP Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) dan (ii) Kurikulum ICCLE iaitu *International Curriculum for Chinese Language Education (Semakan).* Sumber-sumber lain seperti Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan, Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017), DSKP (KSSR Semakan 2017) Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran, *Constitution and By-Laws of the Confucius Institutes*, Laporan Tahunan Institut Kongzi Universiti Malaya (KZIUM) juga dianalisis.

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan senarai item-item perbandingan bagi aspek reka bentuk kurikulum. Instrumen ini telah mendapat kesahan daripada tiga orang pakar yang terdiri daripada dua orang pakar kandungan dan seorang pakar bahasa. Jadual 1 menunjukkan peratus persetujuan antara panel pakar tersebut dan justifikasi untuk mengekalkan atau menyingkirkan item-item perbandingan:

Jadual 1: Peratus Persetujuan antara Panel Pakar dan Justifikasi Pengekalan atau Penyingkiran Item-item Perbandingan Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE

Item Perbandingan	**Setuju**	**Tidak Setuju**	**Item Dikekalkan/ Disingkirkan**
Reka Bentuk Kurikulum			
Kerangka	100 %		
Struktur	100 %		
Prinsip	100 %		
Sasaran	100 %		Kekal
Matlamat	100 %		
Objektif	100 %		
Fokus	100 %		
Pembahagian Tahap	100 %		

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pengekalan atau penyingkiran sesuatu item perbandingan amat bergantung kepada pandangan dan justifikasi daripada panel pakar. Dalam hal ini, penyelidik merujuk kepada peratus persetujuan pakar berpandukan cadangan Mohd Sahandri et al. (2013) dalam bukunya yang bertajuk Buku Panduan Pembinaan Instrumen "Anda dan Kepenggunaan".

Berdasarkan Jadual 2, item-item perbandingan akan dikekalkan dengan syarat sekurang-kurangnya 80% pakar bersetuju mengenainya manakala item akan disingkirkan sekiranya persetujuan pakar adalah kurang daripada 60%. Selain itu, item akan dimurnikan berdasarkan cadangan dan perbincangan dengan panel pakar sekiranya persetujuan pakar adalah di antara 60%. Berpandukan peratus persetujuan daripada panel pakar, semua item perbandingan bagi reka bentuk kurikulum dikekalkan tanpa mengalami sebarang pemurnian kerana telah mencapai 100 % persetujuan.

Jadual 2: Peratus Persetujuan Pakar dan Status Item-item Perbandingan

Peratus Persetujuan	Status Item-item Perbandingan
> 80 %	Kekal
60 % - 80 %	Kekal dengan pemurnian/ pengubahsuaian
< 60 %	Gugur

3.4. Analisis Kajian

Penyelidik membandingkan setiap aspek kurikulum (sub-item) iaitu matlamat, objektif, kerangka, struktur, prinsip, fokus, sasaran dan tahap pembahagian bagi Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dalam bentuk naratif secara berasingan terlebih dahulu. Penyelidik mencari perbezaan antara kedua-dua kurikulum tersebut bagi setiap sub-item perbandingan melalui kaedah perbandingan.

3. Dapatan Kajian

4.1. Perbezaan dari Aspek Matlamat Kurikulum

4.1.1. Matlamat Kurikulum BCSK

Kurikulum BCSK adalah bertujuan untuk melengkapkan murid peringkat sekolah rendah dengan kemahiran bahasa yang asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum ini juga bertujuan untuk melahirkan murid yang mampu mempelajari, menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Cina yang standard. Selain itu, kurikulum ini juga berhasrat untuk meningkatkan kualiti pemikiran serta interaksi sosial murid dalam kalangan masyarakat majmuk di samping memupuk semangat patriotisme dan perpaduan antara kaum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

4.1.2. Matlamat Kurikulum ICCLE

Kurikulum ICCLE berusaha ke arah pembentukan suatu kurikulum rujukan untuk institut pendidikan bahasa Cina dan para pensyarah dalam perancangan kursus serta mewujudkan satu rangka penilaian kecekapan bahasa kepada para penuntut bahasa Cina. Kurikulum ini juga menawarkan sumber pendidikan bahasa Cina yang asas untuk penyusunan buku teks dan mempromosi pendidikan bahasa Cina dengan lebih lanjut. Di samping membantu para penuntut menguasai pengetahuan lingustik bahasa Cina dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemahiran bahasa, Kurikulum ICCLE juga bertujuan untuk memperkukuh matlamat pelajaran dengan memupuk kemampuan belajar sendiri dan bekerjasama serta mempunyai strategi efektif yang menyumbang kepada penguasaan kecekapan bahasa secara komprehensif (Hanban, 2014).

Setelah mempamerkan matlamat Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE, Jadual 3 merupakan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi matlamat:

Jadual 3: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Matlamat

Bil.	Matlamat Kurikulum BCSK	Matlamat Kurikulum ICCLE
1	Melengkapkan murid peringkat sekolah rendah dengan kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.	Berusaha ke arah pembentukan suatu kurikulum rujukan untuk institut pendidikan bahasa Cina dan para pensyarah dalam perancangan kursus serta mewujudkan satu rangka penilaian kecekapan bahasa kepada para penuntut bahasa Cina.
2	Melahirkan murid yang mampu mempelajari, menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Cina yang standard.	Menawarkan sumber pendidikan bahasa Cina yang asas untuk penyusunan buku teks dan mempromosi pendidikan bahasa Cina dengan lebih lanjut.
3	Meningkatkan kualiti pemikiran serta interaksi sosial murid dalam kalangan masyarakat majmuk di samping memupuk semangat patriotik dan perpaduan antara kaum.	Memupuk kemampuan belajar sendiri dan bekerjasama serta mempunyai strategi efektif yang menyumbang kepada penguasaan kecekapan bahasa secara komprehensif.

4.2. Perbezaan dari Aspek Objektif Kurikulum

4.2.1. Objektif Kurikulum BCSK

Berdasarkan DSKP BCSK KSSR Semakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019), objektif Kurikulum BCSK ditunjukkan seperti di bawah:

i. Mempelajari pengetahuan asas fonetik Cina, bertutur dan membaca dengan menggunakan nada dan intonasi yang sesuai serta bahasa Cina yang standard.
ii. Berkomunikasi dengan menggunakan rangkai kata komunikasi bahasa Cina yang lazim digunakan dalam kehidupan seharian.
iii. Mendengar dengan fokus dan sabar untuk mendapatkan maklumat serta mampu melakukan huraian yang mudah.
iv. Mengenal pasti aksara Cina asas yang dipelajari dan menguasai sebilangan frasa dan pola ayat yang lazim.
v. Membaca dan memahami pelbagai jenis bahan bacaan yang pendek untuk memperoleh maklumat dan memupuk tabiat membaca yang baik.
vi. Belajar menulis berpandukan sebatan dan susunan strok yang tepat serta berupaya menyelesaikan tugasan penulisan yang mudah.
vii. Memantapkan penguasaan bahasa Cina melalui aktiviti yang menarik dan pembelajaran pengetahuan asas bahasa.
viii. Memupuk akhlak mulia dan semangat patriotisme melalui pengajaran bahasa.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2.2. Objektif Kurikulum ICCLE

Menurut Hanban (2014), objektif-objektif Kurikulum ICCLE adalah seperti berikut:

i. Memahami dan mempelajari bahan-bahan pelajaran yang terdiri daripada pelbagai jenis tema.
ii. Membina ayat-ayat dengan betul dan mahir.
iii. Menguasai strategi penulisan dan berupaya menulis karangan yang lengkap.
iv. Berkomunikasi dengan orang lain secara lancar.
v. Memupuk minat dan keyakinan diri yang tinggi terhadap pelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar.
vi. Menguasai pelbagai strategi iaitu strategi pelajaran, komunikasi, sumber dan subjek antara bidang secara menyeluruh.
vii. Mengenai tamadun Cina secara mendalam dan mengamalkan sikap silang budaya serta berpandangan jauh di peringkat kebangsaan.

Penyelidik mempamerkan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi objektif kurikulum dalam Jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Objektif

Bil.	Objektif Kurikulum BCSK	Objektif Kurikulum ICCLE
1	Mempelajari pengetahuan asas fonetik Cina, bertutur dan membaca dengan menggunakan nada dan intonasi yang sesuai serta bahasa Cina yang standard.	Memahami dan mempelajari bahan-bahan pengajaran yang terdiri daripada daripada pelbagai jenis tema.
2	Berkomunikasi dengan menggunakan rangkai kata komunikasi bahasa Cina yang lazim digunakan dalam kehidupan seharian.	Membina ayat-ayat dengan betul dan mahir.
3	Mendengar dengan fokus dan sabar untuk mendapatkan maklumat serta mampu melakukan huraian yang mudah.	Menguasai strategi penulisan dan berupaya menulis karangan yang lengkap.
4	Mengenal pasti aksara Cina asas yang dipelajari dan menguasai sebilangan frasa dan pola ayat yang lazim.	Berkomunikasi dengan orang lain secara lancar.
5	Membaca dan memahami semua jenis bahan teks pendek untuk memperoleh maklumat serta memupuk tabiat membaca yang baik.	Memupuk minat dan keyakinan diri yang tinggi terhadap pelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar.
6	Belajar menulis berpandukan sebatan dan urutan strok yang tepat serta berupaya menyelesaikan tugasan menulis yang mudah.	Menguasai pelbagai strategi iaitu strategi pelajaran, komunikasi, sumber dan subjek antara bidang secara menyeluruh.
7	Memantapkan penguasaan bahasa Cina melalui aktiviti yang menarik dan pembelajaran pengetahuan asas bahasa.	Mengenali tamadun Cina secara mendalam dan mengamalkan sikap silang budaya serta berpandangan jauh di peringkat kebangsaan.
8	Memupuk akhlak mulia dan semangat patriotik melalui pengajaran bahasa.	

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3. Perbezaan dari Aspek Kerangka Kurikulum

4.3.1. Kerangka Kurikulum BCSK

Kerangka Kurikulum BCSK terdiri daripada empat elemen yang utama iaitu matlamat, objektif, fokus dan organisasi kandungan kurikulum. Organisasi kandungan terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu kemahiran bahasa dan pentaksiran. Kemahiran bahasa merangkumi lima aspek iaitu 1) Kemahiran Mendengar dan Bertutur, 2) Kemahiran Membaca 3) Kemahiran Menulis, 4) Seni Bahasa dan, 5) Pengetahuan Bahasa. Dari segi pentaksiran pula terbahagi kepada tiga indikator iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran adalah berpaksikan kemahiran bahasa dan aspek bahasa yang disokong oleh elemen pengisian kurikulum. Standard Prestasi pula mengandungi enam tahap prestasi untuk menguji tahap penguasaan murid-murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Rajah 2 berikut merupakan kerangka Kurikulum BCSK:

Rajah 2: Kerangka Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK)



4.3.2. Kerangka Kurikulum ICCLE

Kerangka Kurikulum ICCLE terdiri daripada empat elemen yang utama iaitu matlamat, objektif, fokus dan organisasi kandungan kurikulum. Organisasi kandungan terbahagi kepada empat bahagian iaitu Kemahiran Bahasa, Pengetahuan Bahasa, Strategi dan Kesedaran Budaya. Rajah 3 merupakan kerangka Kurikulum ICCLE:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 3: Kerangka Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Education* (ICCLE)



Setelah mempamerkan kerangka Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dalam bentuk Rajah 2 dan Rajah 3, Jadual 5 pula menunjukkan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi kerangka:

Jadual 5: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Kerangka

Bil.	Kerangka Kurikulum BCSK	Kerangka Kurikulum ICCLE
1	Terdiri daripada matlamat, objektif fokus dan organisasi kandungan.	Terdiri daripada matlamat, objektif, fokus dan organisasi kandungan.
2	Organisasi kandungan terdiri daripada dua komponen yang utama iaitu Kemahiran Bahasa dan Pentaksiran. Kemahiran Bahasa terdiri daripada Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa dan Pengetahuan Bahasa.	Organisasi kandungan terdiri daripada Kemahiran Bahasa, Pengetahuan Bahasa, Strategi dan Kesedaran Budaya.

4.4. Perbezaan dari Aspek Struktur Kurikulum

4.4.1. Struktur Kurikulum BCSK

Struktur Kurikulum BCSK terdiri daripada Kemahiran Bahasa dan Pentaksiran. Tiga indikator iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi berperanan untuk menilai penguasaan kemahiran bahasa iaitu (i) Kemahiran Mendengar dan Bertutur (ii) Kemahiran Membaca (iii) Kemahiran Menulis (iv) Seni Bahasa dan (v) Pengetahuan Bahasa. Walau bagaimanapun, aspek Seni Bahasa dan Pengetahuan Bahasa hanya bertindak sebagai pendedahan umum kepada murid-murid dan tidak dinilai dengan tahap penguasaan. Standard Kandungan adalah kenyataan spesifik mengenai perkara yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid-murid serta dapat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ditunjukkan dalam satu tempoh tertentu yang meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard Kandungan adalah Standard Pembelajaran adalah satu piawaian atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard Prestasi pula bertindak sebagai penanda aras yang menggariskan enam tahap untuk menguji tahap penguasaan murid. Rajah 4 merupakan struktur Kurikulum BCSK:

Rajah 4: Struktur Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK)



Struktur masa Kurikulum BCSK adalah tiga waktu (satu jam setengah seminggu). Berikut merupakan peruntukkan waktu bagi setiap aspek bagi Tahap 1 (Tahun 1-3) dan Tahap 2 (Tahun 4-6) untuk tempoh dua minggu sebagai satu kitaran. Jadual 6 merupakan struktur masa Kurikulum BCSK dari Tahun 1 hingga 6:

Jadual 6: Struktur Masa bagi Setiap Aspek Bahasa dalam Kurikulum BCSK dari Tahun 1 hingga 6

Tahap	Aspek	Peruntukkan Masa (jam)	Peruntukkan Masa (Setahun)
Tahap 1	Mendengar dan Bertutur	1 jam	48 jam
	Membaca	1 jam	
	Menulis	1 jam	
	Seni Bahasa	½ jam	
	Pengetahuan Bahasa	½ jam	
Tahap 2	Mendengar dan Bertutur Membaca Menulis Seni Bahasa Pengetahuan Bahasa	Ikut pembahagian waktu yang dianggap sesuai	48 jam

4.4.2. Struktur Kurikulum ICCLE

Merujuk kepada Hanban (2014), Kurikulum ICCLE terdiri daripada Struktur Kurikulum ICCLE terdiri daripada empat aspek iaitu Kemahiran Bahasa, Pengetahuan Bahasa, Strategi, dan Kesedaran Budaya yang menyumbang kepada kompetensi bahasa pelajar. Pengetahuan Bahasa terbahagi kepada enam bidang iaitu (i) fonologi (ii) huruf dan perkataan (iii) tatabahasa (iv) fungsi (v) tema dan (vi) wacana. Kemahiran linguistik merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

strategi kurikulum mengandungi lima aspek iaitu (i) afektif (ii) pelajaran (iii) komunikasi (iv) sumber dan (v) antara disiplin. Kesedaran budaya pula meliputi empat elemen iaitu (i) pengetahuan budaya (ii) pemahaman budaya (iii) kesedaran silang budaya dan (iv) kesedaran global. Rajah 5 adalah struktur Kurikulum ICCLE:

Rajah 5: Struktur Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Education* (ICCLE)



Setelah menjelaskan struktur masa Kurikulum BCSK, penyelidik mempamerkan struktur masa Kurikulum ICCLE yang dilaksanakan di KZIUM. Jadual 7 merupakan jadual struktur masa bagi Kurikulum ICCLE:

Jadual 7: Struktur Masa Kurikulum ICCLE yang Dilaksanakan di KZIUM (HSK 1 hingga 3)

Jenis Kursus	Kategori	Peruntukkan Masa (Seminggu)	Tempoh Kursus
Beginner Class (Bersemuka)	HSK 1	4 jam (2 jam sekali)	10 minggu
	HSK 2	4 jam (2 jam sekali)	10 minggu
Intermediate Class (Online)	HSK 3-1	3 jam (1½ jam sekali)	13 minggu
	HSK 3-2	3 jam (1½ jam sekali)	13 minggu

Struktur bagi Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE telah dipamerkan dengan menggunakan gambar rajah dan peruntukkan masa bagi kedua-dua kurikulum juga diterangkan dengan jelas. Dengan ini, penyelidik membandingkan aspek struktur antara kedua-dua kurikulum tersebut. Jadual 8 merupakan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi struktur:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 8: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Struktur

Bil.	Kerangka Kurikulum BCSK	Kerangka Kurikulum ICCLE
1	Mengandungi dua komponen yang utama iaitu Kemahiran Bahasa dan Pentaksiran. Kemahiran Bahasa terdiri daripada Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa dan Pengetahuan Bahasa.	Mengandungi empat aspek iaitu Kemahiran Bahasa, Pengetahuan Bahasa, Strategi dan Kesedaran Budaya.
2	Struktur masa bagi pelaksanaan Kurikulum BCSK adalah 48 jam setahun.	Struktur masa bagi pelaksanaan Kurikulum ICCLE Tahap 1 dan 2 (HSK 1 dan 2) adalah 40 jam bagi dua semester manakala Tahap 3 (HSK 3-1 dan 3-2) adalah 39 jam bagi dua semester.
3	Waktu pembelajaran adalah satu jam setengah seminggu.	Waktu pembelajaran adalah 2 jam seminggu.

Dari segi struktur masa pula, Jadual 9 menunjukkan perbandingan struktur masa antara Kurikulum BCSK (Tahun 1 hingga 6) dengan Kurikulum ICCLE (Tahap 1-3) yang dilaksanakan di KZIUM:

Jadual 9: Perbandingan Struktur Masa antara Kurikulum BCSK (Tahun 1-6) dengan Kurikulum ICCLE (Tahap 1-3) yang Dilaksanakan di KZIUM.

Kurikulum	Peruntukkan Masa (Tahun/ Semester)	Jumlah
BBCSK (Tahun 1-6)	48 jam x 6 tahun	288 jam
IIICCLE (Tahap 1-3, HSK 1-3)	40 jam x 2 (HSK 1 & 2) am x 2 semester (HSK 3-1 & 3-2)	158 jam

4.5. Perbezaan dari Aspek Prinsip Kurikulum

4.5.1. Prinsip Kurikulum BCSK

Menurut Kerangka KSSR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), prinsip Kurikulum BCSK adalah berpandukan Prinsip Kurikulum Standard Sekolah Rendah seperti berikut:

a) Pendekatan bersepadu

Pendekatan bersepadu menjadi tumpuan utama dalam penggubalan kurikulum. Unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Konsep kesepaduan dapat dilihat melalui cara berikut:

i. Penggabungjalinan kemahiran dalam satu mata pelajaran.
ii. Penggabungjalinan kemahiran antara mata pelajaran
iii. Penyerapan pelbagai bidang ilmu dalam mata pelajaran dan merentasi mata pelajaran.
iv. Penyerapan nilai dalam mata pelajaran.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

v. Elemen merentas kurikulum meliputi bahasa, alam sekitar, sains dan teknologi, patriotisme, kemahiran berfikir, kemahiran belajar, keusahawanan, TMK, kreativiti dan inovasi; dan
vi. Kesepaduan antara kurikulum, kokurikulum dan budaya sekolah.

b) Perkembangan individu secara menyeluruh

Penggubalan kurikulum adalah untuk memastikan semua subjek memenuhi keperluan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Setiap potensi individu harus dibangunkan seiring dengan potensi yang lain. Perkembangan individu yang menyeluruh dapat dicapai dengan pentaksiran formatif secara berterusan.

i. Pendidikan yang sama untuk semua murid. Kurikulum kebangsaan menyalurkan sumber pendidikan dan peluang yang sama rata kepada semua murid untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara menyeluruh dan seimbang melalui pengalaman pembelajaran.
ii. Kurikulum yang memenuhi pelbagai keperluan. Kurikulum yang digubal dapat memenuhi keperluan murid-murid yang mempunyai kategori dan keperluan yang pelbagai.
iii. Pendidikan Seumur Hidup. Proses pendidikan adalah suatu usaha yang berterusan. Pendidikan di alam persekolahan perlu melengkapkan murid-murid dengan ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran agar mereka dapat mengikuti pembelajaran yang berikutnya dalam kehidupan seharian.

c) Prinsip Kurikulum ICCLE

Terdapat lima prinsip yang diterapkan dalam Kurikulum ICCLE iaitu kesaintifikan, kepraktisan, keperluan sasaran, dan kesesuaian (Hanban, 2014). Berikut merupakan huraian mengenai prinsip-prinsip Kurikulum ICCLE:

i. Kesaintifikan: Kurikulum ICCLE disusun berlandaskan teori kemahiran bahasa dalam komunikasi dengan menyerap pengalaman di dalam dan di luar negara mengenai pendidikan bahasa Cina peringkat antarabangsa. Hasil pengalaman dan pencapaian dalam pendidikan bahasa kedua/ asing, kurikulum bahasa kedua serta kajian-kajian lepas dan amalan semasa turut diambil kira dalam penyusunan kurikulum ini untuk menjamin tahap kesaintifikan, ketahanan jangka waktu dan kewajarannya.
ii. Kepraktisan: Kurikulum ICCLE menghuraikan secara terperinci mengenai setiap tahap dari aspek kemahiran bahasa, pengetahuan, strategi dan kesedaran budaya yang perlu dikuasai oleh pelajar. Selain itu, Kurikulum ICCLE juga menyediakan pelbagai jadual lampiran sebagai rujukan penting. Dengan ini, para pengguna dapat merujuk, memilih atau mengubahsuai bahan-bahan pengajaran yang sesuai mengikut situasi pengajaran dan pembelajaran secara praktikal, juga boleh diaplikasikan dalam penyusunan rancangan pelajaran dan buku teks.
iii. Keperluan Sasaran: Kurikulum ICCLE berkembang dari dunia akademik kepada kalangan rakyat biasa dengan berorientasikan ciri popular, tersebar luas dan kepraktisannya. Oleh yang demikian, Kurikulum ICCLE diselaraskan mengikut kehendak pelajar yang berasal daripada latar belakang pendidikan yang berbeza, terutama murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah serta kalangan masyarakat. Kesukaran dalam pelajaran bahasa Cina telah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dikurangkan, matlamat serta kemahiran juga diselaraskan demi memenuhi kehendak pelajar dengan menitikberatkan kemahiran berkomunikasi.

iv. Fleksibiliti: Struktur dan mod pengajaran yang disediakan dalam Kurikulum ICCLE adalah bertujuan untuk mempamerkan pelbagai elemen yang mungkin muncul dalam proses pengajaran sebenar dan perkaitannya, urutan logik, serta langkah dan prosedur yang lazim diambil. Pengguna boleh menggunakan kurikulum ini berdasarkan situasi pengajaran yang sebenar mengikut keadaan setempat.

v. Kesesuaian: Dengan merujuk kepada piawai-piawai yang popular di peringkat antarabangsa, Kurikulum ICCLE telah menyusun semula pengetahuan linguistik Cina, pengetahuan kebudayaan yang tipikal dan kandungan pengajaran yang lain. Kurikulum ini menerapkan hasil pencapaian dan pengalaman pendidikan bahasa Cina peringkat antarabangsa dan mencadangkan contoh-contoh yang praktikal kepada warga pendidik bahasa Cina peringkat antarabangsa supaya dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, latihan tenaga pengajar, projek penyusunan buku teks dan sebagainya juga disediakan.

Setelah prinsip kurikulum antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dihuraikan secara terperinci, Jadual 10 merupakan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Prinsip Kurikulum:

Jadual 10: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Prinsip Kurikulum

Bil.	Prinsip Kurikulum BCSK	Prinsip Kurikulum ICCLE
1.	Pendekatan bersepadu	Kesaintifikan
2.	Perkembangan individu secara menyeluruh	Kepraktisan
3.	Pendidikan yang sama untuk semua murid	Keperluan Sasaran
4.	Kurikulum yang memenuhi pelbagai keperluan	Fleksibiliti
5.	Pendidikan seumur hidup	Kesesuaian

4.6. Perbezaan antara Aspek Fokus Kurikulum

Penyelidik akan menyenaraikan fokus Kurikulum BCSK terlebih dahulu, diikuti dengan fokus Kurikulum ICCLE, kemudian menganalisis perbezaan fokus antara kedua-dua kurikulum tersebut.

4.6.1. Fokus Kurikulum BCSK

Kurikulum BCSK berfokus kepada penguasaan kemahiran bahasa asas yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca serta menulis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Dari segi kemahiran mendengar dan bertutur, Kurikulum BCSK memberi tumpuan dalam aspek melatih kemahiran komunikasi dalam kalangan murid dan mengajar mereka memahami pertuturan orang lain, berbual dalam topik yang berkaitan dengan kehidupan seharian secara ringkas serta berkomunikasi dengan orang lain secara sopan. Dari segi kemahiran membaca pula, Kurikulum BCSK menekankan bahawa murid harus mengenal bilangan perkataan yang tertentu dan memiliki kemahiran membaca yang asas, memahami pelbagai bahan teks yang pendek, mengenal perkataan Cina yang biasa digunakan, serta memupuk tabiat membaca yang baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Fokus kemahiran menulis bagi Kurikulum BCSK adalah untuk mendidik kebolehan mempelajari strok asas, urutan strok dan radikal Cina yang biasa dijumpai dalam kalangan murid demi membentuk asas yang baik dalam penulisan aksara Cina. Murid dapat meluahkan perasaan mereka dengan menulis ayat yang sesuai dan menyelesaikan tugasan penulisan yang mudah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Kurikulum BCSK juga menggabungkan aspek seni bahasa untuk menambah keseronokan pembelajaran bahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Permainan bahasa bertujuan untuk meningkatkan minat pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan murid seterusnya mereka dapat menghayati keindahan bahasa Cina (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Dari segi pengetahuan bahasa, pembelajaran Hanyu Pinyin adalah fokus dalam Kurikulum BCSK dengan menitikberatkan aspek membaca suku kata iaitu huruf vokal dan huruf konsonan. Murid juga mesti mempunyai pemahaman awal tentang rumus bahasa Cina dan mempunyai pemahaman asas tentang kosa kata dan tatabahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

4.6.2. Fokus Kurikulum ICCLE

Fokus Kurikulum ICCLE adalah untuk memupuk kecekapan bahasa secara komprehensif dalam kalangan penuntut. Kecekapan bahasa terdiri daripada empat aspek iaitu kemahiran bahasa, pengetahuan linguistik, strategi dan kesedaran budaya. Kemahiran bahasa dan pengetahuan linguistik merupakan asas kepada kecekapan bahasa. Strategi adalah syarat penting untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran, menggalakkan penuntut belajar secara berdikari dan mengembangkan kebolehan sendiri. Kesedaran budaya adalah bertujuan untuk memupuk penuntut agar mempunyai perspektif antarabangsa dan kesedaran budaya majmuk supaya kecekapan bahasa berkembang selaras dengan era globalisasi. Empat aspek tersebut adalah saling berkaitan dan bersepadu (Hanban, 2014).

Kemahiran bahasa adalah bahagian penting dalam pencapaian bahasa yang menyeluruh. Kurikulum ICCLE telah menyenaraikan objektif kemahiran komprehensif dan kemahiran khusus yang merangkumi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengetahuan linguistik adalah sebahagian daripada keupayaan kecekapan bahasa dan merupakan asas penting untuk membangunkan kemahiran bahasa. Kurikulum ICCLE menerangkan pengetahuan bahasa dari enam aspek iaitu fonetik, perkataan dan frasa, tatabahasa, fungsi, topik, dan wacana. Aspek strategi merangkumi strategi afektif, strategi pembelajaran, strategi komunikasi, strategi sumber dan strategi antara disiplin. Keperluan strategi penguasaan penuntut dalam setiap tahap hanya untuk rujukan guru dalam proses pengajaran sahaja (Hanban, 2014). Aspek kesedaran budaya dalam Kurikulum ICCLE merangkumi pengetahuan budaya, pemahaman budaya, kesedaran silang budaya dan kesedaran global (Hanban, 2014).

Setelah fokus kurikulum antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE diteliti, Jadual 11 merupakan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi fokus kurikulum.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Jadual 11: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Fokus Kurikulum

Bil.	Fokus Kurikulum BCSK	Fokus Kurikulum ICCLE
1	Mementingkan penguasaan kemahiran bahasa yang asas iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan linguistik, menulis.	Mementingkan penguasaan kecekapan bahasa yang komprehensif dari segi kemahiran bahasa, pengetahuan strategi dan kesedaran budaya.
2	Menggabungkan aspek seni bahasa untuk menambah keseronokan pembelajaran bahasa.	Menyenaraikan objektif kemahiran komprehensif dan kemahiran khusus yang merangkumi mendengar, bertutur membaca dan menulis.
3	Menekankan pembelajaran Hanyu Pinyin dan mempunyai pemahaman asas tentang rumus bahasa Cina seperti kosa kosa kata dan tatabahasa dari aspek pengetahuan bahasa.	Penguasaan strategi dan kesedaran budaya hanya untuk rujukan guru sahaja.

4.7. Perbezaan antara Aspek Sasaran Penuntut

Sasaran Kurikulum BCSK: Murid-murid penutur natif dan bukan penutur natif yang sedang belajar di sekolah kebangsaan, tahun satu hingga 6.

Sasaran Kurikulum ICCLE: Kurikulum ICCLE dirancang dan digubal untuk kegunaan para tenaga pengajar bahasa Cina antarabangsa dan juga pelajar yang menuntut bahasa Cina dengan meliputi semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada:

a) Golongan muda kepada golongan dewasa.
b) Penuntut yang sedang bersekolah kepada penuntut yang tidak bersekolah, tanpa mengambil kira sama ada mereka telah menerima pendidikan bahasa Cina atau belum. Penuntut di sekolah merangkumi pelajar yang belajar di semua institusi pendidikan, termasuk sekolah awam peringkat rendah, menengah rendah, menengah atas, sekolah swasta, sekolah antarabangsa serta institusi pengajian tinggi. Penuntut tidak bersekolah pula merujuk kepada pelajar yang mengambil kursus di sekolah malam (*evening school*), sekolah hujung minggu (*weekend school*) dan kelas bahasa Cina di sekolah pendidikan lanjutan.
c) Pensyarah bahasa Cina (untuk penutur bahasa asing) serta pensyarah sukarelawan dalam kegiatan pengajaran mereka, dan menyediakan bahan rujukan penting untuk pembinaan buku teks bahasa Cina yang bertaraf antarabangsa (Hanban, 2014).

Penyelidik memberi gambaran yang lebih jelas dengan mempamerkan perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi sasaran dalam Rajah 6 seperti berikut:

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Rajah 6: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari segi Sasaran



4.8. Perbezaan dari Aspek Tahap Pembahagian Kurikulum

4.8.1. Tahap Pembahagian Kurikulum BCSK

Menurut DSKP yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kurikulum BCSK direka untuk murid-murid Sekolah Kebangsaan Tahun 1 hingga 6, Tahun 1 hingga 3 tergolong dalam Tahap 1 manakala Tahun 4 hingga 6 tergolong dalam Tahap 2. Setiap tahun ada objektif yang tertentu yang perlu dicapai sehingga tamat persekolahan rendah.

4.8.2. Tahap Pembahagian Kurikulum ICCLE

Menurut Skala Kecekapan Bahasa Cina Antarabangsa yang dibuat oleh Hanban, enam tahap dikemukakan dalam Kurikulum ICCLE. Setiap tahap Kurikulum ICCLE adalah selaras dengan Ujian HSK Tahap 1 hingga 6. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penyelidik hanya membandingkan Kurikulum ICCLE dari Tahap 1 hingga 3 sahaja agar selari dengan tahap pembahagian Kurikulum BCSK. Jadual 12 menunjukkan perbandingan Kurikulum BCSK dan ICCLE dari segi pembahagian tahap kurikulum.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 12: Perbandingan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Pembahagian Tahap

Kurikulum	Pembahagian Tahap
Kurikulum BCSK	Tahun 1 hingga 6
Kurikulum ICCLE	Tahap 1 hingga 6

5. Perbincangan Kajian

Matlamat antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai persamaan dari segi penguasaan kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Chen et al. (2005), pengajaran bahasa kedua/ asing memberi perhatian khusus kepada pemupukan kemahiran berbahasa. Kurikulum ICCLE turut memberi perhatian terhadap penguasaan pengetahuan bahasa dan pengaplikasian pelbagai strategi selain daripada penguasaan kemahiran bahasa. Matlamat Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai perbezaan yang sangat ketara dari segi sasaran penuntut. Kurikulum ICCLE bukan sahaja digubal untuk kegunaan penuntut bukan natif di negara China tetapi juga penuntut bukan natif di seluruh dunia. Sebaliknya, Kurikulum BCSK digubal khas untuk murid-murid yang belajar bahasa Cina di sekolah kebangsaan, Malaysia serta disesuaikan dengan sosial dan kebudayaan masyarakat tempatan. Malaysia adalah negara yang terdiri daripada berbilang bangsa, kesefahaman dan perpaduan adalah sangat penting untuk mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni. Justeru, matlamat Kurikulum BCSK juga menerapkan semangat patriotik dan perpaduan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan sistem pendidikan Malaysia.

Objektif Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE adalah sama dari aspek penguasaan kemahiran bahasa iaitu pelajar-pelajar berupaya berinteraksi dengan menggunakan bahasa Cina yang standard, membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan serta menulis dengan baik dan betul. Walau bagaimanapun, Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE juga mempunyai beberapa perbezaan dari segi objektif. Pemupukan minat untuk belajar sesuatu bahasa kedua/ asing adalah sangat penting. Berdasarkan Hipotesis Penapis Efektif yang terkandung dalam Teori Input Hipotesis, faktor emosi mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua/ asing. Apabila pelajar-pelajar tidak mempunyai motivasi dan keyakinan diri serta berasa gelisah dan bimbang dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa kedua/ asing, input bahasa ke dalam mekanisme pemerolehan bahasa akan terhalang (Krashen, 1981). Objektif Kurikulum ICCLE yang menggariskan pemupukan minat dan keyakinan diri terhadap pembelajaran bahasa Cina menepati pandangan Krashen iaitu pengaruh faktor emosi terhadap pemerolehan bahasa dalam proses pengajaran bahasa kedua harus dititikberatkan. Kurikulum ICCLE menekankan penguasaan pelbagai strategi pembelajaran iaitu strategi pelajaran, komunikasi, sumber dan subjek antara bidang secara menyeluruh. Kurikulum ICCLE juga menerapkan unsur kebudayaan Cina dan menggalakkan berlakunya silang budaya antara negara.

Dari segi kerangka kurikulum, Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai empat elemen yang sama iaitu matlamat, objektif, fokus dan organisasi kandungan. Organisasi kandungan Kurikulum BCSK adalah terdiri daripada dua komponen yang utama iaitu Kemahiran Bahasa dan Pentaksiran. Kemahiran Bahasa merangkumi Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Membaca, Menulis, Seni Bahasa dan Pengetahuan Bahasa.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Komponen Pentaksiran pula terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Organisasi Kandungan Kurikulum ICCLE terdiri daripada Kemahiran Bahasa, Pengetahuan Bahasa, Strategi dan Kesedaran Budaya. Perbezaan yang paling ketara antara kedua-dua kurikulum tersebut adalah Kurikulum BCSK menggabungkan Kemahiran Bahasa dan Pentaksiran manakala Kurikulum ICCLE dan kaedah penilaiannya iaitu ujian HSK adalah berasingan.

Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE adalah amat berbeza dari segi struktur kurikulum. Kurikulum BCSK sangat mementingkan kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis kerana kurikulum ini adalah berfokus kepada penguasaan kemahiran bahasa asas dalam kalangan penutur bukan natif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Untuk memupuk kecekapan berkomunikasi dalam kalangan masyarakat, pelajar perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran asas mengenai bahasa Cina (Chen et al., 2005). Justeru, aspek seni bahasa dan pengetahuan bahasa turut diterapkan dalam standard kandungan Kurikulum BCSK walaupun tidak dinilai dengan tahap penguasaan. Kurikulum ICCLE adalah lebih komprehensif dari segi organisasi kandungan kerana kurikulum ini bukan sahaja berfokus kepada kemahiran berbahasa tetapi juga mementingkan aspek-aspek lain seperti pengetahuan linguistik, strategi pembelajaran dan kesedaran budaya. Dari segi perbandingan struktur dengan berdasarkan Jadual 9, walaupun masa yang diperuntukkan bagi pelaksanaan Kurikulum BCSK (Tahun 1-6) adalah jauh lebih banyak daripada Kurikulum ICCLE (Tahap 1 hingga 3) tetapi perbandingan tersebut boleh diterima kerana kognitif bagi kanak-kanak dan remaja adalah berbeza. Otak kanak-kanak masih berkembang dan memerlukan lebih banyak masa untuk mempelajari sesuatu bahasa yang baharu berbanding dengan remaja.

Kurikulum BCSK tidak mempunyai prinsip yang khusus seperti Kurikulum ICCLE. Prinsip Kurikulum BCSK mementingkan pendekatan bersepadu yang menggalakkan penggabungjalinan pelbagai aspek untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan kurikulum. Selain itu, guru-guru harus berusaha untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh menerusi pentaksiran formatif secara berterusan. KPM sentiasa memastikan semua murid diberi pendidikan yang sama rata, penggubalan kurikulum dapat memenuhi pelbagai keperluan murid, dan amalan pendidikan seumur hidup. Kurikulum ICCLE pula mementingkan prinsip kesaintifikan, kepraktisan, keperluan sasaran, fleksibiliti dan kesesuaian. Teori Linguistik Berfungsi Sistemik (SFL) dicirikan sebagai teori linguistik untuk memahami cara bahasa diaplikasikan atas pelbagai sebab dan senario seterusnya berfungsi sebagai motivasi komunikatif dalam pembelajaran bahasa (Halliday, 1973). Teori tersebut adalah bertepatan dengan prinsip kepraktisan dan kesesuaian yang diterapkan dalam Kurikulum ICCLE.

Fokus Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE adalah berbeza. Kurikulum BCSK sangat mementingkan penguasaan kemahiran bahasa yang asas iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum ICCLE bukan sahaja berfokus terhadap kemahiran bahasa, tetapi juga merangkumi aspek-aspek lain iaitu pengetahuan linguistik, strategi dan kesedaran budaya untuk memupuk kecekapan bahasa yang lebih komprehensif dalam kalangan penuntut. Sasaran Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai persamaan iaitu penuntut terdiri daripada penutur natif dan penutur bukan natif. Walau bagaimanapun, sasaran penuntut kedua-dua kurikulum tersebut adalah amat berbeza dari segi umur. Sasaran Kurikulum BCSK adalah kanak-kanak berumur 7-12 tahun yang belajar di sekolah kebangsaan manakala sasaran Kurikulum ICCLE tidak terhad kepada umur dan latar belakang pendidikan bahasa Cina penuntut. Selain itu, pembahagian tahap Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE juga berbeza. Kurikulum

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

BCSK digubal untuk murid-murid Tahun 1 hingga 6 yang belajar di sekolah kebangsaan manakala tahap pembahagian Kurikulum ICCLE diselaraskan dengan ujian HSK iaitu dibahagikan kepada Tahap 1 hingga 6.

6. Kesimpulan

Sebagai rumusan, reka bentuk antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China adalah amat berbeza dari segi matlamat, objektif, kerangka, struktur, fokus, sasaran, prinsip dan pembahagian tahap kurikulum. Hasil perbandingan antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE menunjukkan bahawa kedua-dua kurikulum tersebut adalah memenuhi prinsip penggubalan kurikulum pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua dengan mementingkan aspek kemahiran berbahasa. Walau bagaimanapun, reka bentuk Kurikulum ICCLE mempunyai skop yang lebih luas dan menetapkan tahap pembelajaran yang lebih tinggi daripada Kurikulum BCSK. Kurikulum ICCLE adalah kurikulum yang umum tetapi agak mustahil untuk memenuhi keperluan dan kehendak sistem pendidikan bahasa kedua/ asing di seluruh dunia kerana dasar dan falsafah pengajaran bahasa kedua bagi setiap negara adalah berbeza. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk menambahbaikkan pelaksanaan Kurikulum BCSK yang sedia ada. Kementerian Pendidikan Malaysia harus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan China dalam pelbagai aspek seperti penggubalan Kurikulum BCSK yang lebih komprehensif dan mewujudkan platform untuk tujuan pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman dalam pelaksanaan program bahasa Cina sebagai bahasa kedua/ asing seperti mengadakan bengkel, seminar atau persidangan demi meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Cina di negara masing-masing.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan, panel pakar dan juga rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak memohon sebarang bantuan kewangan dari mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interets*)

Tiada konflik kepentingan dalam proses menjalankan dan menyiapkan kajian ini.

Rujukan

Alexander, R. (2000). *Culture and Pedagogy: International Comparisons in Primary Education*. Oxford: Blackwell.

Astro AWANI. Sukatan pelajaran terlalu padat kekang pengajaran alaf ke-21. Dipetik daripada https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sukatan-pelajaran-terlalu-padat-kekang-pengajaran-alaf-ke21-207845

Bereday, G. Z. F. (1964). *Comparative Method in Education*. New York: Holt, Rinehart &

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Winston.

Berita Harian Online (2022). Semakan semula sukatan sekolah, menengah. Dipetik daripada *https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/969783/semakan-semula-sukatan-sekolah-rendah-menengah*

Chen, C. L., Fang, X. J., Ma, H. M., Shao, H. L., Shi, X. D., Wu, Y., Wu, Y. Y., & Xu, L. H. (2005). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Gailun 对外汉语教学概论*. Shanghai: Fudan Daxue Chubanshe 上海：复旦大学出版社.

Chen, X. M. (2013). *Jiaoyu Yanjiu Fangfa 教育研究方法*. Beijing: Jiaoyu Kexue Chubanshe 北京：教育科学出版社.

Chuah, K. P., Guat Peng, N., & Khalidar, A. S. (2020). Meningkatkan Penguasaan Sebutan Bahasa Cina Dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati Di Sekolah Kebangsaan [Increasing Non-Native Learners Towards Chinese Language Pronunciation in National Primary Schools]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, *4*(3), 79–89. https://doi.org/10.33306/mjssh/83

Du, R. Z. (2020). Hanguo Hanyu Jiaoxue Dagang Bentuhua Yanjiu ——Yi 《Hanguo Chuzhong Hanyu Jiaoxue Dagang》Weili 韩国汉语教学大纲本土化研究 ——以《韩国初中汉语教学大纲》为例 [Research on Localization of Chinese Teaching Curriculum for Korea: With "The Chinese Curriculum in Korea Junior High Schools" as an Example]. *Yuyan Jiaoyu 语言教育*, *8*(1), 91-97.

Fu, Y. (2016). Quyuxing Yu Tongyongxing Hanyu Jiaoxue Dagang Bijiao ——Yi Jianada Ashen Zhongxiaoxue Hanyu Kechen Dagang He Hanban Tongyong Kechen Dagang Weili 区域型与通用型汉语教学大纲比较———以加拿大阿省中小学汉语课程大纲和汉办通用课程大纲为例 [Comparison Local and Common Chinese Language Curriculum-in the Case of Chinese language Arts (K-9) (Alberta) and International Curriculum for Chinese language Education (Hanban)]. *Journal Overseas Chinese Education 海外华文教育*, *82*(5), 606-612.

Halliday, M. A. K. (1973). *Explorations in the functions of language*. London: Edward Arnold.

Hanban. (2014). *Guoji Hanyu Jiaoxue Tongyong Kecheng Dagang (Xiuding Ban*) *国际汉语教学通用课程大纲（修订版）*. Beijing Language and Culture University Press 北京语言大学出版社.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Krashen, S. D. (1981). *Second language acquisition and second language learning*. Oxford: Pergamon Press.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2014). *Qualitative data analysis (3rd Ed.)*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Mohd Sahandri Gani Hamzah, Laily Paim, Sharifah Azizah Haron., & Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah. (2013). *Buku Panduan Pembinaan Instrumen "Anda dan Kepenggunaan"*. Tanjung Malim, Perak: Emeritus Publications.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sin Chew Daily. (2015). Wuyisheng Qingqian Hanyu . Beijing Xue Wunian Huiguo Jiao Huawen 巫裔生情牵汉语 .北京学五年回国教华文 [Pelajar Melayu Berminat dengan Bahasa Cina. Mengajar Bahasa Cina Setelah Tamat Pengajian 5 Tahun di Beijing]. Dipetik daripada*https://www.sinchew.com.my/20150628/%E5%B7%AB%E8%A3%94%E7%94%9F%E6%83%85%E7%89%B5%E6%B1%89%E8%AF%AD%EF%BC%8E%E5%8C%97%E4%BA%AC%E5%AD%A65%E5%B9%B4%E5%9B%9E%E5%9B%BD%E6%95%99%E5%8D%8E%E6%96%87/*

Wan, X. Z. (2016). Ruidian Bentuhua Hanyu Jiaoxue Dagang De Zhiding Ji Sikao 瑞典本土化汉语教学大纲的制定及思考 [Enactment of Chinese Syllabus for Schools in Sweden and the relevant reflections]. *Journal of Yunnan Teachers University 云南师范大学学报 (对外汉语教学与研究)*, *14*(3), 79-85.

Wang, C. X., & Gu (2015). *Bijiao Jiaoyu (Diwu Ban) 比较教育（第五版）*. Beijing: Renmin Jiaoyu Chubanshe 北京人民教育出版社.

Yeap, C. K. (2014) Hanyu Zuowei Dier Yuyan Jiaoxue Zai Malaixiya De Xianzhuang、Wenti Ji Duice 汉语作为第二语言教学在马来西亚的现状、问题及对策.*国际汉语教育*,91-98.

Zhang, Y. (2020). *《Guoji Hanyu Jiaoxue Tongyong Kecheng Dagang》De Xinxilan Bentuhua Yanjiu 《国际汉语教学通用课程大纲》的新西兰本土化研究 [The Research of Indigenizing《International Curriculum for Chinese Language Education》to The New Zealand Reality]*. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jilin University 吉林大学硕士学位论文.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).